

Bachelor Kejuruteraan Aeroangkasa

Pengenalan

Program Bachelor Kejuruteraan Aeroangkasa ini ditawarkan bagi membantu membangunkan industri aeroangkasa seperti yang telah dilancarkan dalam “*Malaysia Aerospace Industry Blueprint 2030*”. Kandungan program ini telah diolah dan merangkumi kedua-dua cabang bidang Kejuruteraan Aeroangkasa:

- Kejuruteraan Aeronautik – Cabang ilmu dan aplikasi yang berkaitan dengan bidang seperti aerodinamik, bahan aeroangkasa, struktur, pendorongan, mekanik penerbangan, dan kawalan dan kestabilan pesawat.
- Kejuruteraan Astronautik – Cabang ilmu dan aplikasi yang berkaitan dengan bidang seperti mekanik orbit, persekitaran angkasa lepas, telekomunikasi, struktur angkasa dan pendorongan roket.

Peluang Kerjaya

Industri aeroangkasa di Malaysia sentiasa mendapat galakan serta sokongan daripada kerajaan, badan ketenteraan dan agensi swasta. Graduan program Bachelor Kejuruteraan Aeroangkasa akan mempunyai peluang kerjaya di lebih 250 buah syarikat industri aeroangkasa tempatan mahupun luar negara seperti sektor pembuatan komponen, penyelenggaraan, baik-pulih, rombak-rawat, pengurusan operasi, integrasi sistem, avionik dan perkhidmatan reka bentuk, dan juga dalam industri kejuruteraan lain yang berkaitan.

Syarat Kemasukan

Bachelor Kejuruteraan Aeroangkasa (PK15) 8 Semester		
Memenuhi Syarat Am Universiti dan Keperluan Khas Program		
a) Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.80 b) Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 3 dalam Malaysian University English Test (MUET) ATAU Kredit dalam pelajaran Bahasa Inggeris pada peringkat SPM		
c) Dan		
Pemegang STPM	Pemegang Matrikulasi KPM/Asasi Sains UM/Asasi UiTM/Asasi Sains Pertanian UPM	Pemegang Diploma / Setaraf
Mendapat sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.00) dalam <ul style="list-style-type: none">• Matematik Tambahan DAN• Fizik	Mendapat sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.00) dalam <ul style="list-style-type: none">• Matematik / Matematik Kejuruteraan; dan Kejuruteraan Mekanikal• Fizik / Fizik Kejuruteraan	Memiliki Diploma dalam bidang yang sesuai dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.80 atau kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat UPM

Kurikulum (2016 – 2020):

Kursus yang ditawarkan dibahagi kepada tiga kategori, iaitu Kursus Umum, Kursus Teras dan Kursus Elektif:

Komponen Kurikulum	Keperluan EAC (jumlah jam kredit minimum)	Kurikulum Bacelor Kejuruteraan Aeroangkasa	Peratus
Kursus Umum	Tiada nilai minimum ditetapkan	32	23.70%
Kursus Teras	90	88	65.19%
Kursus Elektif		15	11.11%
Jumlah Keseluruhan	135	135	100%

Jumlah Jam kredit bergraduat: 135
Tempoh Pengajian: 8 semester (4 tahun)

Yuran Pengajian:

Kod	Program	Purata Kos Seorang Pelajar Setahun	Yuran Pengajian Dibayar oleh Pelajar Setahun*	Subsidi Kerajaan Kepada Pelajar Setahun
74	Bacelor Kejuruteraan Aeroangkasa	RM26,315.00	RM4,489.00	RM21,826.00

*Bayaran yuran semester pertama untuk pelajar baharu tempatan ialah RM2,637.00 setakat 2 Ogos 2018. Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

Pegawai untuk dihubungi:

Prof. Madya Ts. Dr. Wan Zuha bin Wan Hasan
B.E.(UPM), M.Sc.(UPM), Ph. D (UKM), SMIEEE
Timbalan Dekan (Prasiswazah)

Telefon: 603-89464365

Emel: wanzuha@upm.edu.my

Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Abd. Rahim Abu Talib

B.Eng.(Hons) Aeronautical [Salford], DPhil Engineering Science [Oxford]
P.Eng. PC, P. Tech, M.AEROS, M.A.S.M.E., F.M.S.E.T.

Ketua Jabatan Kejuruteraan Aeroangkasa

Telefon: 603-8946 6400

Emel: abdrahim@upm.edu.my

En. Jamali bin Janib
Penolong Pendaftar Kanan (Prasiswazah)
Telefon: 603-8946 6275
Emel: jamali@upm.edu.my

Alamat:
Bahagian Pengajian Prasiswazah
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
SELANGOR, MALAYSIA
Telefon: +603-8946 6272 / 6273
Faks: +603-86567124
Emel: eng.tdps@upm.edu.my
Website: www.eng.upm.edu.my

Tarikh Kemas kini: 12 September, 2018